



## KENYATAAN MEDIA

### PERLINDUNGAN DAN KESEJAHTERAAN KANAK-KANAK OP GLOBAL KEUTAMAAN KPWKM

**PUTRAJAYA, 17 Oktober** - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah terlibat dalam Op Global secara langsung bermula 11 September 2024. **Seramai 884 pegawai JKM** yang terdiri daripada Pelindung, Pegawai Diberi Kuasa (PDBK) dan Pegawai Psikologi terlibat dalam Op Global, meliputi serbuan ke atas 83 buah premis di seluruh negara.

Dalam operasi ini, JKM bertindak mengikut punca kuasa yang diperuntukkan di bawah Seksyen 8 Akta Kanak-Kanak (Akta 611), iaitu pelantikan dan kuasa Pelindung, serta Seksyen 17(1)(d) yang menetapkan keperluan perlindungan kanak-kanak. Selain itu, tindakan juga diambil berdasarkan Akta Pusat Jagaan 1993 (Akta 506) yang memperuntukkan mengenai pelantikan dan kuasa Pegawai Diberi Kuasa. Peranan JKM dalam Op Global adalah menjalankan operasi menyelamatkan kanak-kanak bersama PDRM, menguruskan penempatan sementara bagi kanak-kanak, mendaftar maklumat, mendapatkan perintah jagaan sementara dan menguruskan kemasukan kanak-kanak ke Tempat Selamat.

Sehingga 14 Oktober 2024, seramai **560** orang kanak-kanak, iaitu 283 kanak-kanak lelaki dan 277 kanak-kanak perempuan kini sedang **ditempatkan di Tempat-Tempat Selamat** setelah JKM mendapat perintah jagaan sementara oleh Mahkamah bagi tempoh 2 bulan mengikut peruntukan Seksyen 25(2)(a)

Akta Kanak-Kanak 2001. Untuk tempoh ini, semua kanak-kanak telah dan sedang **diberi perlindungan dan penjagaan sewajarnya** oleh JKM.

Sepertimana yang telah dinyatakan, kesemua 560 orang kanak-kanak yang sedang berada di bawah perlindungan dan penjagaan JKM pada masa ini masih diperlukan untuk siasatan lanjut oleh pihak berkuasa.

Matlamat akhir bagi penempatan dan penjagaan kanak-kanak terlibat, adalah **kembali ke pangkuan keluarga**. Namun, sebelum perkara tersebut dapat dilaksanakan, pelbagai aspek perlu dinilai dan dipertimbangkan bagi memastikan kebijakan dan kesejahteraan kanak-kanak terlibat.

Susulan daripada kes yang telah tular di media sosial berkenaan satu rakaman pertemuan Pelindung Kanak-Kanak dengan Ibu atau Bapa Kanak-Kanak kes GISBH – Op Global pada 9 Oktober 2024 pula, Kementerian memandang serius kes ini dan pihak JKM sedang melakukan siasatan dalaman terperinci bagi memastikan tindakan sewajarnya boleh diambil.

JKM juga telah mengaktifkan talian khas bagi memudahkan penyaluran maklumat berkaitan Kanak-kanak Op Global ini. Talian khas ini boleh dihubungi **di nombor 03-8323 2190 dan 03-8323 2191**.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT  
17 OKTOBER 2024**